



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA KOPERAL YUSRI BIN YA'ACOB MENGENAI  
PERISTIWA BELIAU KE TIMOR LESTE DALAM MISI BANTUAN OPS HATI BUDI.**

**NURUL FARHANAH BINTI ZAINUDDIN (2016376173)**

**WAN NORHASMIRA BINTI WAN HASSAN (2016598501)**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER MAC 2018 - JULAI 2018**

## ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	Muka Surat
Abstrak	i
Penghargaan	ii
Senarai Singkatan	iii-v
<b>1.0 Biodata Penemubual</b>	
1.1 Penemubual 1	1
1.2 Penemubual 2	2
<b>2.0 Biodata Tokoh</b>	
2.1 Biodata Tokoh	3
2.2 Pengenalan Tokoh	4
<b>3.0 Sejarah Lisan</b>	
3.1 Pengenalan	5
3.2 Objektif Sejarah Lisan	6
3.3 Pendokumentasian Sejarah Lisan	6
3.4 Kepentingan Sejarah Lisan	7-8
<b>4.0 Kajian Literatur</b>	9-10
<b>5.0 Transkrip Temubual Bersama Tokoh</b>	11-44
<b>6.0 Log Temubual</b>	45-60
<b>7.0 Ralat</b>	61
<b>Glosari</b>	62-64
<b>Indeks</b>	65-67
<b>Rujukan</b>	68
<b>Lampiran</b>	
Senarai soalan	7-73
Diari penyelidikan	74-78
Gambar	79-90
Surat Perjanjian & Pengesahan Penceramah Luar	91-92

**Transkrip temubual bersama Koperal Encik Yusri Bin Ya'acob mengenai  
peristiwa beliau ke Timor Leste dalam Misi Bantuan OPS Hati Budi.**

**Abstrak**

*Sejarah lisan adalah satu kaedah yang penting dalam merakam peristiwa lampau yang pernah ditempuhi oleh seseorang. Melalui sejarah lisan, rekod-rekod sejarah berkenaan suatu peristiwa dapat dilengkapkan kerana sebahagian maklumat masih tersimpan di dalam memori individu yang terlibat. Satu-satunya kaedah pengumpulan maklumat dalam sejarah lisan ialah temubual atau temubual yang dijalankan ke atas individu tertentu. Artikel ini mengenai Encik Yusri Bin Ya'acob yang merupakan seorang anggota Polis PGA Batalion 2 Kulim Kedah. Setiap perbualan telah direkodkan bagi melaksanakan transkrip temubual Dokumentasi Lisan (oral history) ini dan mempunyai beberapa perbualan yang direkodkan bagi mencukupi Jam temubual Dokumentasi Lisan. Terdapat beberapa peristiwa yang berlaku yang telah diceritakan oleh Encik Yusri Bin Ya'acob apabila menjalankan tugas dalam Misi Bantuan OPS Hati Budi di Timor Leste, Dili dalam temubual ini. Ia merupakan peristiwa yang terbesar yang pernah dilalui oleh Encik Yusri Bin Ya'acob sepanjang berkhidmat sebagai anggota Polis PGA Batalion 2 Kulim Kedah kerana beliau merupakan salah seorang anggota Polis yang terpilih untuk mengikuti Misi OPS Hati Budi di Timor Leste. Antara perjalanan dan pengalaman yang dilalui oleh Encik Yusri Bin Ya'acob telah direkodkan dalam transkrip temubual ini.*

## Penghargaan

Assalamualaikum w.b.t

*Alhamdulillah*, segala syukur kami panjatkan kepada Allah s.w.t kerana dengan izinnya kami telah berjaya menyiapkan tugas bagi subjek IMR 604 Dokumentasi Sejarah Lisan pada masa dan waktu yang telah ditetapkan. Pertama sekali kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Teknologi MARA kerana memberi peluang kepada kami untuk melakukan penyelidikan yang bertemakan 'Peristiwa ke Timor Leste'. Sepanjang menjalankan penyelidikan, kami telah menempuh pelbagai pengalaman yang berharga dan bermakna dalam hidup sebagai pelajar.

Jutaan terima kasih kami kalungkan kepada Encik Yusri Bin Ya'acob kerana sudi meluangkan masa dan memberikan komitmen kepada kami untuk melengkapkan penyelidikan ini. Beliau telah berkongsi pelbagai maklumat tentang pengalaman beliau dalam peristiwa yang berlaku di Timor Leste sebagai anggota Pasukan Gerakan Am. Jawatan beliau sebagai Polis dalam Pasukan Gerakan Am ini sangat membantu kami dalam melengkapkan temubual ini. Temubual ini mengungkap peristiwa yang berlaku di Timor.

Tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah kami iaitu Dr Azree Ahmad diatas dorongan dan tunjuk ajar kepada kami bermula daripada pencarian tokoh sehingga selesainya transkrip ini. Beliau telah meluangkan banyak masa untuk memastikan penyelidikan ini lengkap dengan sistematik. Selain itu, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa kami kerana memberikan sokongan dan dorongan yang tidak putus-putus kepada kami. Tanpa mereka, perjalanan untuk melengkapkan penyelidikan ini pasti lebih berliku.

Ucapan terima kasih juga diberikan kepada Nurul Farhanah Binti Zainuddin dan Wan Norhasmira Binti Wan Hassan kerana menemani kami mengharungi suka duka melengkapkan temubual ini dengan menjadi peneman untuk ke Rumah Encik Yusri. Tidak lupa juga rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami didalam menghasilkan penyelidikan ini.

Akhir kata, kami berharap agar penyelidikan ini dapat dijadikan sebagai sebuah bahan rujukan tambahan yang berguna untuk para pembaca, penyelidik dan generasi akan datang.

## SENARAI SINGKATAN

### SENARAI ABREVIASI

<b>RINGKASAN</b>	<b>MAKSUD</b>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PBB	Persatuan Bangsa bangsa Bersatu
OPS	Operasi
KPN	Ketua Polis Negara
SK-MP5	Heckler@Koch Mp5
SUPT	Superintendent
UNMIT	United Nation Integrated Mission In Timor Lester
VIP- VIP	Very Important Person
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
TUDM	Tentera Udara Di Raja Malaysia
D6	Pasukan Khas Bantuan Teknik
Inap	Instituto Nacional Administracao Publica

### SINGKATAN NAMA

<b>SINGKATAN NAMA</b>	<b>NAMA PENUH</b>
YY	Yusri Bin Ya'acob
ANA	Nurul Farhanah Binti Zainuddin
WAN	Wan Norhasmira Binti Wan Hassan

## SENARAI KATA

PERKATAAN	MAKSUD
Ade	Ada
Airport	Lapangan Terbang
Amik	Ambil
And	Dan
And then	Dan kemudian
Ann	Kan
Ape	Apa
Bagitau	bagitahu
Bape	berapa
Bawak	Bawa
berkeje	berkerja
Depa	mereka
Detail	Terperinci
Dulu	Dahulu
Gitu	begitu
Je	Sahaja
Jugak	Juga
Juge	Juga
Ka	Ke
Kat	Dekat
Kawen	kahwin
Laki	Lelaki
Makin	Semakin
Mau	Mahu
Ni	Ini
Pasal	Tentang
Pastu/lepastu	Selepas itu
Pengkalan	Pangkalan
Pompuan	perempuan
Post mortem	Bedah siasat
Saye	Saya

So	Jadi
Start	bermula
Tah	Entah
Tak	Tidak
Tak Begitu	Tidak Begitu
Tak Berapa	Tidak Berapa
Takda	Tiada
takkan	Tidak akan
Tapi	Tetapi
Timor Lorasa'e	Timor Leste
Tu	Itu
Tuk	Untuk
Tulah	Itulah
Udare	Udara

## 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

### 1.1 Penemubual pertama



<b>Nama</b>	Nurul Farhanah Binti Zainuddin
<b>Tarikh Lahir</b>	
<b>Tempat Lahir</b>	Pulau Pinang
<b>Umur</b>	23 Tahun
<b>Alamat</b>	
<b>No telefon</b>	
<b>Email</b>	
<b>Pendidikan</b>	Diploma Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Kedah
<b>Program</b>	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan (IM 244)
<b>Moto Hidup</b>	Every accomplishment starts with the decision to try




## 1.2 Penemubual Kedua



<b>Nama</b>	Wan Norhasmira Binti Wan Hassan
<b>Tarikh Lahir</b>	
<b>Tempat Lahir</b>	Kelantan
<b>Umur</b>	23 Tahun
<b>Alamat</b>	
<b>No telefon</b>	
<b>Email</b>	
<b>Pendidikan</b>	Diploma Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Kedah
<b>Program</b>	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan (IM 244)
<b>Moto Hidup</b>	Ilmu adalah harta yang tak akan pernah habis

## 2.0 BIODATA TOKOH



<b>Nama</b>	Yusri Bin Ya'acob
<b>Nama samaran</b>	Abang Yus
<b>Tarikh Lahir</b>	
<b>Tempat Lahir</b>	
<b>Umur</b>	45 Tahun
<b>Asal</b>	Kelantan
<b>Bangsa</b>	Melayu
<b>Agama</b>	Islam
<b>Taraf Perkahwinan</b>	Berkahwin
<b>Pekerjaan</b>	Polis
<b>Kelulusan</b>	Sijil Pelajaran Malaysia
<b>No.Telefon</b>	
<b>Alamat</b>	

## 2.1 Pengenalan Tokoh

Yusri bin Ya'acob atau lebih dikenali sebagai abang yus merupakan seorang anggota pasukan Gerakan Am (PGA) yang bertugas di Kem Batalion 2 PGA Kulim, Kedah dalam cawangan pengangkutan. Beliau dilahirkan pada 4 Mac 1973 di Rantau Panjang, Kelantan. Beliau merupakan Anak pertama daripada lima orang adik-beradik. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Rantau Panjang, Kelantan, kemudian beliau melanjutkan pelajarannya di SMK Rantau Panjang. Setelah tamat pengajian di sekolah menengah, beliau berhijrah dari negeri kelahirannya iaitu Kelantan ke negeri Johor untuk bekerja. Idola beliau adalah Nabi Muhammad S.A.W

Seterusnya, Hobi beliau ketika waktu lapang adalah berkebun. Beliau sudah berkahwin dan mempunyai tiga orang Anak perempuan. Isteri beliau bernama Wan Norhanishah Bt Wan Hassan. Anak pertama beliau bernama Siti Nurafiqah Nabila Bt Yusri berumur 16 tahun. Anak kedua beliau bernama Siti Nuralya Nadhira Bt Yusri berumur 14 tahun dan Anak ketiga beliau bernama Siti Nuralesya Najwa Bt Yusri berumur 9 tahun.

Selanjutnya, Beliau berkecimpung dalam bidang kepolisan selama 19 tahun 7 bulan. Beliau direkrut di Pusat Latihan Polis Air Itam, Jempol, Negeri Sembilan selama 6 bulan. Sebelum beliau berkhidmat dalam pekerjaan polis. Sepanjang perkhidmatan beliau dalam PDRM telah terpilih untuk mengikuti, operasi al-maunah yang tergepar satu Malaysia tentang rusuhan yang berlaku dan misi beliau seterusnya adalah misi PBB (misi ops budi di Timor Leste. Berlaku kejadian kebakaran, pembunuhan, rusuhan dan sebagainya sepanjang menjalankan misi OPS Budi di Timor Leste. Pasukan polis, tentera Australia, Portugal turut memberi kerjasama dalam misi OPS Budi di Timor Leste. Segala bahan bukti dinyatakan dalam temubual yang telah dijalankan.

### 3.0 SEJARAH LISAN

#### 3.1 Pengenalan

Melalui penyelidikan sejarah negara, sejarah lisan atau dengan nama lain "Oral History" iaitu sumber tambahan bertujuan penyelidikan sejarah, merupakan satu bentuk penerangan yang dapat disampaikan dalam bentuk lisan tentang sejarah yang telah berlaku. Sumber sejarah ini boleh di dapati melalui bentuk temu bual dengan pelakunya, iaitu dengan seorang saksi mata, seorang pendengar, seorang pemegang tradisi dan juga di panggil seorang yang seorang mengetahui tentang nilai-nilai sejarah peristiwa berkenaan. Selain itu, dalam pertuturannya terdapat tahap-tahap tertentu seperti fakta atau peristiwa yang di ceritakan oleh keterangan proto, saksi mata, dan juga melalui keterangan secara perseorangan. Oleh sebab itu, fakta mengenai sejarah ini boleh didapati dengan cara temubual dan juga melalui rakaman.

Sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenang-kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara temubual. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari temubual tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan.

Menurut sejarawan Donald A. Richie (2003) dan Pusat Sejarah Lisan Universiti Kebangsaan Malaysia (2007) sejarah lisan "oral history" bermaksud satu teknik bagi proses mengumpul memori-memori dan pengalaman yang mempunyai nilai-nilai sejarah yang dirakamkan melalui temubual. Berdasarkan pemahaman pengumpulan sejarah lisan berkait rapat dengan usaha untuk mendapatkan maklumat dan mendokumentasikan segala pengalaman sepanjang penglibatan didalam bidang yang diceburi mahupun kenangan peribadi tokoh dalam memberi sumbangan kepada masyarakat. Jika rakaman bunyi dibuat dalam bentuk perakam pita yang digunakan sebagai bahan penyelidikan, sejarah lisan dicipta dalam bentuk temubual bersama dengan transkripnya.

Menurut Ahmad (1987), sejarah lisan merupakan satu kaedah atau teknik penyelidikan moden yang bertujuan untuk memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengkisahan. Kaedah ini

menyatakan proses temubual dan merakam ke dalam pita mengenai keterangan-keterangan orang yang sangat mengetahui tentang sesuatu peristiwa sejarah pada suatu masa dahulu seperti dalam penglibatannya secara langsung dalam peristiwa itu atau tidak langsung seperti sekadar menyaksikannya. Hal ini turut disokong oleh Starr (1984), bagi menyatakan sejarah lisan salah satu kaedah mengumpul fakta-fakta sejarah yang masih belum lagi dikaji dan dirakam semula dan merupakan salah satu proses mengumpul data sejarah setelah hilangnya tradisi penulisan sejarah. Hal ini bermula sejak daripada berlakunya sesuatu peristiwa sejarah itu sendiri.

### **3.2 Objektif Sejarah Lisan**

- Bertujuan untuk mengumpul dan mengetahui dengan lebih lanjut tentang peristiwa yang dilalui oleh Encik Yusri Bin Ya'acob
- Mengkaji atau menyelidik tentang peristiwa yang telah berlaku.
- Untuk mengetahui dan merungkai dengan lebih mendalam mengenai peristiwa ke Timor Leste.

### **3.3 Pendokumentasian Sejarah Lisan**

#### **3.3.1 Pengumpulan data:**

Penyelidik mendapatkan maklumat mengenai peristiwa yang dilalui oleh Encik Yusri yang terdapat di Timor Leste, Dili dengan cara berhubung dengan Wan Norhasmira, bagi mendapatkan maklumat mengenai nama beliau, alamat rumah, dan serba sedikit peristiwa yang dilalui oleh Encik Yusri di Timor Leste.

#### **3.3.2 Temubual secara telefon, pesanan ringkas dan email**

Penyelidik menghubungi Encik Yusri, dan menjalankan kaedah temubual melalui telefon, dengan menanyakan beberapa soalan kepada tokoh tersebut. Antara isi temubual tersebut seperti menanyakan nama, jawatan, pengalaman, dan mengatur temujanji bagi mengadakan pra temubual dan temubual secara bertemu mata. Selain itu, menggunakan aplikasi WhatsApp bagi mendapatkan maklumat daripada

tokoh dan menggunakan email bagi meng email surat untuk mengadakan temubual mengenai peristiwa di Timor Leste.

### **3.3.3 Temubual secara bertemu mata**

Penyelidik mengadakan pra temubual bersama tokoh bernama Encik Yusri, bertempat di rumah beliau, Kulim Kedah. Temubual ini bertujuan bagi mendapatkan maklumat mengenai peristiwa yang dilalui beliau dalam operasi OPS budi di Timor Leste, Dili, ringkas maklumat diri tokoh dan memberitahu tokoh mengenai temubual yang akan di adakan selama 1 jam 20 min dan mengandungi 58 soalan yang akan di soal selidik dan pada temubual kedua mempunyai dua rakaman yang pertama selama 19 min dan yang kedua selama 14 min.

### **3.3.4 Rakaman temubual**

Penyelidik merakam temubual yang dijalankan semasa pra temubual dan temubual seterusnya bagi memudahkan proses menyediakan transkrip temubual. Selain itu, penyelidik akan merakam segala maklumat mengenai sejarah peristiwa yang di sampaikan oleh Encik Yusri yang di temubual.

## **3.4 Kepentingan Sejarah Lisan**

Sejarah lisan merupakan salah satu kaedah dan juga cara di mana kenang kenangan ke atas seseorang tokoh yang telah berjuang untuk negara tercinta. Proses kajian ini dirakamkan secara temu bual. Tokoh-tokoh yang dipilih adalah terdiri daripada mereka yang dapat berkongsi maklumat ataupun pengisian yang mendalam dan bersejarah melalui penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, mahupun perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa dan juga peristiwa tertentu. Oleh sebab itu, segala maklumat atau informasi yang diperolehi dari temu bual tersebut akan disalin dan salinan itu selepas disemak, ditaip dan akan digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan.

Rozeman Abu Hassan (2004) menyatakan sejarah lisan bertujuan untuk mendapat dan memelihara rekod-rekod dan dokumen sejarah yang semakin berkurangan dan juga telah banyak yang hilang. Disamping itu,

sumber lisan menjadi suatu sumber yang sangat penting oleh kerana kurangnya sumber bertulis bagi sesuatu peristiwa yang dikaj seperti, peristiwa pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Selain itu, pada tahun 1941-1945 bagi mentafsir dan juga meneliti peristiwa pendudukan zaman Jepun merupakan agak terhad berdasarkan sumber lisan. Oleh yang demikian, merupakan satu sejarah lisan amat unik bagi menghubungkan zaman yang lalu dan zaman sekarang berdasarkan rakaman pengalaman peristiwa yang bersejarah

## **4.0 KAJIAN LITERATUR**

### **Misi Bersatu Bangsa Bersatu di Timor-Leste**

Penubuhan Misi Bersatu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Di Timor-Leste United Nations Mission in East Timor (UNMIT) Didahului Oleh Beberapa Operasi Atau Misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Yang Lain Yang Dikerahkan Di Timor-Leste Mulai Tahun 1999. Misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Di Timor Timur (Jun-Oktober 1999) Diberi Mandat Untuk Menganjurkan Dan Mengadakan Perundingan Yang Popular Untuk Menentukan Sama Ada Rakyat Timor-Leste Menerima Otonomi Khas Di Indonesia Atau Menolak Autonomi Khas Yang Dicadangkan, Yang Menyebabkan Pemisahan Timor Timur Dari Indonesia. Adalah Misi Politik.

Bangsa-Bangsa Bersatu Misi Sokongan Di Timor (Mei 2002 - Mei 2005), Juga Misi Pengaman, Telah Diberi Mandat Untuk Menyediakan Bantuan Kepada Timor Timur Yang Baru Merdeka Sehingga Semua Tanggungjawab Operasi Telah Diturunkan Sepenuhnya Kepada Pihak Berkuasa Timor Timur, Dan Untuk Membenarkan Negara Baru, Sekarang Dipanggil Timor-Leste, Untuk Mencapai Cendera Diri.

Selanjutnya Parlimen Nasional dan Perdana Menteri menulis kepada Setiausaha Agung yang meminta agar dia mencadangkan kepada Dewan Keamanan untuk membentuk pasukan polisi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Timor-Leste untuk mempertahankan undang-undang dan ketertiban sehingga negara polis boleh menjalani penyusunan semula dan penstrukturan semula. Setiausaha Agung meminta Duta Khasnya, yang dilantik pada 25 Mei 2006, untuk mengetuai misi penilaian pelbagai disiplin ke Timor-Leste untuk mengenal pasti skop tugas yang akan dilaksanakan oleh misi pasca dan untuk membuat cadangan untuk kehadiran PBB masa depan

Apabila Misi Pengaman Itu Menarik Diri, Misi Politik Baru, Pejabat PBB Di Timor-Leste (Mei 2005-Ogos 2006), Menyokong Pembangunan Institusi-Institusi Negara Kritis Dan Polisi Dan Menyediakan Latihan Dalam Pematuhan Pemerintahan Demokratik Dan Manusia Hak



## **MISI OPS HATI BUDI**

Misi ops hati budi merupakan satu misi pengaman yang di beri nama oleh PDRM bagi membantu negara yang sering bergolak serata asean yang di bawah perlindungan PBB[ persatuan bangsa-bangsa bersatu ] .ops ini juga membantu menagani konflik yang berlaku pada negara tersebut .ops hati budi ini di jalankan selama 3 bulan yang melibatkan semua pasukan anggota polis PDRM yang dari semua cawangan .misi ini bukan hanya Malaysia sahaja terlibat malah polis Australia ,Portugal dan new zeland jugak terlibat dalam misi memberi bantuan kepada negara yang menghadapi krisis .misi ini telah di pandang serius oleh KPN [Ketua Polis Negara] untuk menghantar anggota dalam mengikuti misi tersebut bagi membantu dan mendangani krisis yang berlaku . ops ini merupakan ops yang terbesar dalam bantuan kemanusia kerana misi ini telah berkobelarasi bersama polis UNITED

## **5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL**

### **SESI TEMUBUAL PERTAMA**

Berikut adalah rakaman temubual sejarah lisan temubual bersama Encik Yusri yang merupakan anggota PGA Batalion 2 Pasukan Gerakan Am Kulim Kedah yang bekerja di PGA Batalion 2. Rakaman ini dijalankan dirumahnya di kem PGA kulim kedah pada dua (2) hari bulan enam (6) dua ribu lapan belas (2018) pada jam dua belas (12) empat puluh lima (45) tengahari, temubual ini dikendalikan oleh kami daripada UiTM kedah yang bernama Nurul Farhanah Binti Zainuddin dan saya Wan Norhasmira Binti Wan Hassan dengan segala hormatnya kita mulakan rakaman ini

**ANA: Okay, Pertama sekali apakah nama penuh Encik?**

YY: Terlebih dahulu saya, (bunyi telefon) Assalamualaikum dan selamat tengahari (celahan ANA,WAN menyambut salam) nama saya, nama penuh saya Yusri bin Yacob

**ANA: Ok selain nama Encik Yusri, Adakah Encik ada mempunyai gelaran (bunyi kertas) yang anggota lain panggil?**

YY: Nama gelaran tu [itu] ingat takda [tiada] tapi selalu depa [mereka] panggil Abang Yus gitu [begitu] lah (celahan ANA)

**ANA: Pada tahun berapakah Encik dilahirkan?**

YY: Saya lahir pada... empat (4) hari bulan tiga (3) tahun Sembilan belas tujuh puluh tiga (1973)

**ANA: Dan..aaa... umur encik pada tahun ini?**

YY: Aaaa.. empat puluh lima (45) tahun

**ANA: Empat puluh lima (45) tahun okay. Dan manakah tempat Encik Yusri dilahirkan?**

YY: Saya dilahirkan di .. aaaa.. Kampung Rantau Panjang Kelantan.

**ANA: Oh, So [jadi] encik berasal dari mana? Kelantan?**

YY: Saya Kelantan.

**ANA: Okay.. So [jadi] berapa tahun Encik menetap di negeri kelahiran Encik? (Bunyi Kereta)**

YY: Saya...saya menetap di Kelantan tu dalam lepas sekolah lah sampai habis sekolah tingkatan 5 pehtu keluar berhijrah ke.. johor untuk berkeje [bekerja]

**ANA: Sampai?**

YY: Tingkatan lima pastu [selepas itu] keluar berhijrah ke... Johor untuk bekerja.

**WAN: Semasa dijohor tu [itu] apakah pekerjaan Encik disana? (bunyi pen)**

YY: (bunyi kertas) saya sana kerjaaaa.. di Singapore kerja.. masa tu [itu].. kerja kontrak lah untuk macam buat-buat rumah macam tulah [itu lah] sementara.. tunggu.. SPM tu [itu] kan pastu [selepas itu] lepaihh [lepas] habis SPM tu balik balik ke Kelantan lah.

**ANA: Okay haa.. seterusnya, apakah berapakah adik-beradik Encik Yusri?**

YY: Saya mempunyai (bunyi pen) limo [lima] aaa..lima orang adik-beradik

**ANA: Lima orang adik beradik aaa boleh Encik ceritakan serba sedikit mengenaiiii.. adik beradik Encik (bunyi pen) contohnya pekerjaan beliau?**

YY: (bunyi pen) saya ada limo [lima] orang aaa tiga...tiga lelaki dua perempuan (bunyi pen) aaaaa saya yang sulung aaa bekerja sebagai polis lah yang adik saya nombor dua..aaa kerja KWSP di Kuala Lumpur, nombor tiga yang laki [lelaki] bekerja di Western Digital di Pasir Gudang Johor. aaa nombor empat... aaa... bekerja sendiri berniaga nombor lima dia kerja kilang di kajang Selangor

**ANA: Encik mempunyai idola? Siapakah idola Encik?**

YY: Idola saya? Idola saya tak [tidak] lain tak [tidak] bukan Nabi Muhammad S.A.W lah..

**ANA: Apakah hobi Encik?**

YY: Hobi saya banyak sebenarnya

**ANA & WAN: Boleh ceritakan lebih terperinci hobi hobi Encik,(celahan WAN)  
boleh nyatakan hobi hobi Encik Kepada kami**

YY: Tapi yang lebih yang...saya minat lah ann [kan] aaa..  
berkebun lah rasa rasanya, yang paling minat tu [itu]

**ANA: Okay, Apakah pekerjaan Encik Yusri sekarang?**

YY: saya? Saya anggota polis lah aa bekeje [berkerja] sebagai di  
cawangan logi [logistik] pengangkutan di Batalion 2 PGA Kulim.

**ANA: Dah berapa lama Encik Yusri bekerja dekat pekerjaan Encik tu [itu]?**

YY: Lepas.. habis rekrut dan sekarang ni [ini] lebih kurang saya bekerja  
dalam sembilan belas [19] tahun enam [6] bulan rasanya...

**WAN: Boleh saya tahu dimanakah Encik Yusri aaa dekrut [rekrut]?**

YY: Oh saya rekrut di...Pusat Latihan Polis Air Hitam di..Jempol Negeri  
Sembilan..selama enam [6] bulan

**ANA: erm Encik bekerja berapa hari seminggu? Dan.. bermula bekerja pada  
pukul berapa?**

YY: Saya bekerja lima hari seminggu lah aaa.. sabtu ahad cuti aaa start  
[bermula] kerja lapan [8] pagi hingga lima..[5] petang.

**ANA: aaa..lepastu [selepas itu] apakah tanggungjawab Encik di tempat kerja?  
(bunyi kertas)**

YY: aaaa.. saya sebagai...anggota pemandu di cawangan pungutan  
menjalankan tugas-tugas hakiki sebagai pemandu lah

**ANA: Sebelum ini Encik pernah bekerja di tempat lain ke sebelum Encik  
bekerja sebagai Polis PGA tu [itu]**

YY: Sebelum Polis saya banyak lah kerja kerja di kuala lumpur pernah di  
singapore pun pernah kerja sebagai buruh je lah..kerja.. kerja kilang  
pun pernah tapi sebelum polis polis banyak kerja di Singapore lah  
(bunyi batuk) kerja kapal pun pernah (bunyi kertas) itu je lahh..

**ANA: Apakah pekerjaan Encik sekarang ni [ini] merupakan cita-cita Encik Yusri?**

YY: Aaa.. itu memang saya dari dulu lagi ini pun Polis saya minta dua tiga empat kali baru dapat (sambil ketawa) dan ni [ini] Alhamdulillah rezeki dapat jugak [juga] untuk jadi anggota Polis

**ANA: So, dah berapa lama Encik berkhidmat dalam pasukan Polis Diraja?**

YY: emm..berkhidmat dalam Polis Diraja Malaysia? Aaa..dah dua puluh tahun sekarang ni [ini]

**ANA: Ohh dua puluh tahun lah sekarang, okay. Encik bertugas dicawangan apa dalam Polis?**

YY: Tadi saya bagitau [bagitahu] dah, saya bertugas di cawangan Pungutan Batalion 2 PGA Kulim.

**ANA: Okay, adakah Encik Yusri sudah berkahwin?**

YY: Sudah..haa dahh..

**ANA: Apakah (sambil ketawa) nama isteri Encik?**

YY: Nama isteri saya WAN Norhanisah Binti WAN Hassan dah kawen [kahwin] bape [berapa] lama dah

**ANA: Lama dah, berapa tahun dah kahwin? (sambil ketawa)**

YY: Empat belas tahun dah lah (celahan ANA)

**ANA: Empat belas tahun okayyy.. Encik mempunyai berapa orang Anak?**

YY: Saya ada.. tiga orang Anak..aaa..semua perempuan

**WAN: Okay, bolehkah Encik Yusri cerita serba sedikit tentang Anak-Anak Encik Yusri, yang sulong berapa umurnya (celahan ANA, seperti umurnya berapa) yang nombor dua dan nombor tiga?**

YY: Yang sulong sekarang ni dahhh.. tingkatan empat lah pompuan [perempuan] (bunyi pen) aaaa.. (bunyi kertas) nombor dua aaa tingkatan dua dan nombor tiga darjah tiga

**WAN:** Okay..ehemm..okay soalan seterusnya daripada saya sepanjang tempoh perkhidmatan Encik Yusri dalam Pasukan Gerakan AM apakah operasi yang pernahhh..aaa.. Encik Yusri ikuti dan yang (bunyi batuk) selalu Encik Yusri.. pergi?

YY: (bunyi kertas) peristiwa yang kire [kira] terbesar lah yang saya dalam dalam perkhidmatan PGA Polis ni [ini] saya telah mengikuti..operasii.. Al Maunah yang dulu yang tersebar yang. Yang tersebar satu Malaysia yang kata depa [mereka] merungut merusuh tu kan, satu lagi operasi..apa lagii..yang..yang paling terbesar sekali yang saya punya misi ke Timor Leste lah yang saya pegi [pergi] yang yang paling saya takkan [tidak akan] lupa

**WAN:** aaa..boleh saya tahu yang pasal [tentang] Al Maunah tu [itu] dimanakah..aaa tempat Encik Yusri pergi..aa berkhidmat, dimanakah..aaa..peristiwa itu berlaku..aaa yang Al Maunah tu [itu]?

YY: Al Maunah di kawasan kuala kangsar aa..di.. kawasan kati saya tak ingat

**ANA:** Dah lama ke peristiwa tu?

YY: Dah lama peristiwa tu [itu].. dah lamaa dalam tahun berape [berapa] saya tak ingat dah lama dah.. dalam duaa.. ribu.sebelum Timor Leste saya ingat terjadi lah

**WAN:** Okayy..ok..aaa.. macam yang Encik Yusri nyatakan tadi..aaa..dalam..mm.apa..aaa..peristiwa yang terbesar yang tak [tidak] boleh Encik Yusri lupakan adalah..aaa..misi (bunyi kertas) bantuan PBB OPS Budi.. yang yang buat di..di Timor Leste, boleh (bunyi kertas) Encik Yusri nyatakan apakah misi tersebut?

YY: Ohh misi tu [itu] , misi tu [itu] mula mulanya (bunyi kertas) aa..rentetan daripada..kejadian..aaa.. askar yang berpaling tadah di Timor Leste.aa antara puak Timor Lorosa'e [Timor Leste] dengan.. satu lagi puak (bunyi bersin) yang dalam tentera tu [itu] yang dipecat oleh perdana menteri mereka.

**WAN:** Ape [apa] cuba Encik Yusri nyatakan sekali lagi? Aaa..Nama ape [apa]?

YY: Antara puak Timor Lorosa'e dengan Loromonu yang dia ade [ada] puak puak, macam bertelagah lah dalam askar tu die [dia] ade [ada]

yang menyebabkan mereka musuh dan emmm mereka keluar daripada beret tentera tu ..aaa dan memberontak dan cubaa... aaa..melaWAN kerajaan lah kerajaan Timor Leste ketika itu

**WAN: Pada tahun..pada tahun berapakah pemberontakan itu berlaku?**

YY: aaa.. pada tahun dua ribu enam [2006] lahh...awal bulan dua ribu enam (bunyi telefon)

**WAN: Okayyy..aa bagaimanakah Encik Yusri terpilih mengikuti operasi dan emmm misi bantuan ini?**

YY: emm..apabila...kerajaan Timor Leste. Memerlukan bantuan daripada...kerajaan kerajaan lain (bunyi telefon) daripada di asia tenggara ni depa [mereka] telah membuat kerjasama dengan Malaysia..kerajaan Malaysia jadi aaa..kerajaan telah memberi mandat kepada PDRM untuk menjalankan misi..yang keti..ketika itu..dikenali sebagai OPS Hati Budi aaa..yang ditaja khas oleh PBB yang berbekalan di Timor Leste lah..(bunyi tolak kerusi) Misi Pegaman Timor Leste Hati Budi jadinya ..jadi..aaa..PDRM, KPN Ketua Polis Negara telah memberi mandat kepada [kepada]..Batalion 2 lahh ketika itu kami sebagai Pasukan Gerakan Am Batalion 2 untuk menjalankan misi ini dibantu oleh aaa..agensi agensii.. dalam PDRM seperti aaa.. Unit Forensik PDRM Bukit Aman aaa..pemandu 69 aaa..hulu kinta ..aaa..apa lagi misi tu [itu] daripada aa..apa lagi saya tak [tidak] ingat lah tu [itu] yang banyak cawangan lah daripada D.. D seven [D7] Bukit Aman campur dengan tugas Am semua ade [ada] lah dalam banyak agensi. Tapi kekuatan tu [itu] banyak daripada PGA Batalion 2 seramai seratus Sembilan puluh [190] orang yang jalankan misi itu campur dengan aaa...semua sekali dalam tiga ratus [300] orang yang menjalankan misi OPS Hati Budi ketike [ketika] itu.

**WAN: Okay seterusnya [seterusnya]..aa..semasa Encik Yusri terpilih dalam aa.. misi.. bantuan OPS Budi tu [itu] aa..bagaimanakah Encik Yusri dan rakan-rakan pergi ke Timor Leste tu [itu] adakah Encik Yusri menggunakan pengangkutan darat, udare [udara] ataupun laut?**

YY: Hmm.. aaa..kami sebagai.. yang saya lah sebagai dalam cawangan pengangkutan ermm..yang tuk [untuk] bergerak kesana jadi kami akan membawa kenderaan daripada (bunyi telefon) sini..aaa..jadi semua

kenderaan dan sebagai logistik semua sekali akan dibawa menaiki kapal Tentera Laut Diraja Malaysia iaitu kapal KD Indera Sakti lah kapal pengangkutan KD Indera Sakti, jadi..(bunyi telefon) yang mana mana yang anggota logistik yang diberi kami tu[itu] seramai lima belas [15] orang daripada PGA..PGA Kulim campur dengan..aa enam Sembilan [69] dalam lima orang, dann forensik dalam tiga orang saya tak [tidak] ingat, kami akan berlayar dengan kapal KD Indera Sakti lah tuk [untuk] pergi terbeh [terlebih] dahulu daripada aaa.. anggota anggota lain, awal seminggu lah kami semua pergi bertolak kesana.

**WAN: okay..aa., boleh saya tahu apakah kenderaan yang dibawe [dibawa] daripade [daripada] Malaysia ke (bunyi kertas) Timor Leste untuk digunakan?**

YY: Kenderaan banyak kenderaan bawa pergi kesana

**WAN: Boleh Encik Yusri bagi contoh aaa.. kenderaan yang dibawe [dibawa]?**

YY: aaa..kenderaan seperti land rover,aaa.. lori dan jugakkk [juga] untuk forensik, aa..hilux ada lagi lah untuk diguna untuk disana.

**WAN: Okay aa..misi bantuan aaa.. OPS Budi OPS Hati Budi ni [ini] aaaa..diberi bantu aa.. ke Timor Leste ni aa.. untuk memberi bantuan seperti apa?**

YY: aaa..tugas kami disana, (celahan WAN: Yes [Betul]) tugas kami disana telah menjalankan tugas menjaga ketenteraman awam lah dan aaa..(bunyi kertas) membanteras pergaduhan ade [ada] yang macam kacau bilau disane [disana] aaa..dan juge [juga] menjage [menjaga] rumah VVIP lah kalau sana yang ada kan seperti rumah perdana menteri, perdana menteri Timor Leste sana dan jugak [juga] tempat tempat aaa..kawasan apa ni [ini] aaa..depa [mereka] punya apa panggil..tempatt.. untuk keselamatan lah yang mana mana rumah yang dibakar tu [itu] semua daripada satu tempat permindahan lah..kawasann..saya cakap ape [apa] tadi..depa [mereka].. (bunyi jam) tempat pengumpulan lah tempat tuk [untuk] keselamatan (celahan WAN: Permulihan..ohh okay )haa situ khemah khemah untuk mangsa mangsa yang mengalami rumah rumah kebakaran semua lah.



**WAN: okay seperti Encik Yusri nyatakan tadi Encik Yusri aa...pergi kesana menaiki kapal Indera Sakti dimanakah tempat perlabuhnya kapal Indera Sakti tu [itu] yang membawa Encik Yusri dan anggota anggota untuk pergi ke (bunyi kertas) ke Timor Leste ?**

YY: Kami berlayar.. di..apa ni [ini] aaa.pada tak [tidak] silap saya dua puluh [20] hari bulan..dua puluh [20] haribulan awal seminggu sebelum anggota yang lain menaiki kapal terbang aaa.. bertolak daripada Lumut lah dua puluh [20] haribulan aaa.. duaa.. puluhhh [20] hari bulan... Jun enn[kan] bulan Jun.. dari..daripada.. pengkalan [pangkalan] TLDM Lumut menuju ke Dili Timor Leste lah selamaa.. berlayar selama.. sepuluh [10] hari lah baru sampai disana.

**WAN: Boleh Encik Yusri nyatakan apakah pengalaman Encik Yusri berada di dalam kapal layar dan berlayar selama sepuluh [10] hari?**

YY: Pengalaman saya?

**WAN & ANA: Apakah perasaan Encik Yusri?**

YY: Ohh Saya teruja [teruja] lah saya tak[tidak] pernah lagi berlayar selama lama sepuluh [10] hari tu kan, ermm pengalaman saya atas kapal tu [itu] saya dapat mengikuti dia punya rutin rutin harian sebagai seorang tentera laut lah, cara cara bekerje [bekerja] dan cara cara mereka berada dikawal sepuluh hari tu [itu], dapat saya dapat ikut lah depa [mereka] punya.. depa [mereka] punya aa.. rutin harian dari pagi bangun pagi dan siap ade [ada] roll call nyaa aaa..dengan..semua sekali aktiviti atas kapal tu [itu] saya dapat ikut lah, jadi saya dapat pengalaman baru lah dalam, walaupun saya PDRM jadi dah saya dah masuk dalam kelompok TL.. aaa..tentera laut jadi saya boleh tahu (bunyi jam) macam mana penat perit mereka berlayar selama sepuluh hari tu [itu]

**WAN: hmm aa.. semasa pelayaran tu [itu] aaa.. (bunyi jam) ape [apa] kalau tak silap saya sebelum Encik Yusri pernah berkata melalui kawasan khatulistiwa, bolehkah Encik Yusri cerita serba sedikit pasal [tentang] pelayaran tu [itu]?**

YY: Banyak.. banyak singgah banyak tempatlah, berlayar tu [itu], tu [itu] tradisi seorang pelayar tentera laut ni [ini] dia kalau..kalau..kita sampai ke..satu kawasan garisan khatulistiwa tu [itu] dia macam satu.. ibarat..

satu.. anugerah lah yang diberikan kepada sesiapa walaupun tentera laut siapa yang berlayar kapal tu pastu [selepas itu] diberi satu sijil yang mana dah kita dah lalui melepasi garisan (bunyi ketuk pintu) khatulistiwa yang diadakan (bunyi pintu buka) satu aaaa...satu.. keramaian lah untuk sambutan mana mana anggota mana mana orang yang berlayar kapal tu [itu] untuk memberi sambutan yang hangat [pANAs] lah beri satu sijil

**WAN: aaa..okayy.. selama berapa harikah Encik Yusri berlayar ke untuk sampai ke Timor Leste?**

YY: aaa...Sepuluh [10] hari lah.. sepuluh [10] hari dari dua puluh [20] hari bulan sampai.. tiga puluh [30] (bunyi kertas) hari bulan baru sampai..aaa..melalui selat Melaka menuju ke Singapore, selat Singapore, yang mana selat melalui laut jawa dan juga barulah sampai ke sana. Dapat melalui detik detik yang manis saya tengok dengan tengok kawasan.. aaa... laut, gunung berapi semua ada kat [dekat] situ.(bunyi kunci)

**WAN: Okay, pada berapa hari bulan dan aaa..okayy,okayy.. adakah peristiwa aaa..Encik Encik Yusri boleh ceritakan apabila sampai di Timor Leste apakah tugas pertama yang Encik Yusri dan anggota anggota Encik Yusri lakukan?**

YY: ermm..bila sampai disana mano [mana] mana yang anggota yang..anggota yang menaiki kapal terbang dah sampai awal lagi depa [mereka] dalam sebelum kami sampai di Timor Leste dalam empat hari sebelum tu [itu] mereka dah pun sampai depa dah clearance [kemas] tempat semua sekali aaa.. bagi keselamatan dan semua segala segala semua dah diuruskan. Jadi kami sampai di Timor Leste tu [itu] aa..perkara pertama dah sampai di Dili tu [itu] aaa..mem..membawa kenderaan lah untuk membawa semua aaa..barang barang logistik dalam kapal KD Indera Sakti tu [itu] untuk dibawa turun ke..aaa.. terminal kapal tu [itu] kan untuk diagihkan ke kawasan kami di..aaaa..di base yang kami ditetapkan lah

**WAN: Berapa banyak base yang ditetapkan semasa di Timor Leste itu adakah satu, ataupun dua ataupun lebih daripada tu [itu] ?**

YY: aaaa.. kami..aaa.. (bunyi kertas) kami...aaa.. ditetapkan dikawasan aaaa..dekat dekat (bunyi kertas) dengan lapangan terbang Dili lah aaa..berdekatan dengan..aaa..Balai Polis.. Balai Polis Timor Leste lah aaa..Dili, Bersebelahan Polis Dili aaa... ermm..tempatnya nama apo [apa] lah tadi (bunyi kertas)..di Jabatan emm.. Jabatan Pertanian dia apa.. dia tu [itu] kalau Bahasa, Bahasa Timor Leste ni [ini] Instituto Administracao Publica nama dia apa mereka panggil inab, jadikan base [pangkalan] untuk aaa.. Polis PDRM Malaysia.

**WAN: Ermm.aa..okay boleh Encik, semasa disana boleh Encik Yusri ceritakan pengalaman Encik Yusri ataupun peristiwa yang Encik Yusri aaa..alami semasa berada disana?**

YY: aaaa...peristiwa..

**WAN: Boleh Encik Yusri cerite [cerita] lebih detail [terperinci] kepada kami untuk kami mengetahuinya?**

YY: ermm...disana saya ditugaskan aaa.. untuk sebagai memandu (bunyi jam tangan) dalam menjalankan tugas tugas ketenteraman awam lah..menjalankan tugas, tugas seperti rondaan.aaa.. rondaan kawasan, keselamatan, kawasan kawasan kampung yang dikhuatari [dikhuatiri] jadi satu rusuhan ataupun perbalahan antara kaum lah..dan juga tugas menghantar aaa..meronda kawasan airport [lapangan terbang] yang jadikan kawasan tempat untuk pusat permindahan untuk bagi yang mane mane [mana mana] aaa..apa ni [ini] yang punye [punya] aaa..mangse mangse [mangsa mangsa] yang telah di..rumahnya dibakar dan lari daripada tempat tempat kawasan rusuhan dan juga banyak lah tugas tugas seperti aaa..rondaan kawasan VVIP..dan kawasan yang lain.

**WAN: ermm.. bolehkah Encik Yusri ceritakan detik cemas yang.. berlaku.. di sana.. yang masih segar diigatan Encik Yusri sampai ke hari ini? Apakah peristiwa yang terjadi yang mampu memberi impak [kesan] kepada Encik Yusri yang Encik Yusri ingat sampai ke sekarang aaa..Timor Leste apabila ingat je[sahaja] Timor Leste okay Encik Yusri akan ingat peristiwa tersebut?**

YY: Disana dia punya..ancaman ancaman tu [itu] memang ada lah kat [dekat] sana aaa.. peristiwa yang saya tak lupa sekali ialah kem kami

di serang hendap oleh penembak curi yang melalui kawasan kami tu [itu] telah menembak, tembakan aa.. yang menyebabkan kami semua panik lah sementara tu [itu] jadi panik tapi.. dah.. sebelum ini.. dah diajar lah sebelum pergi ni [ini] dah di bagitau [bagi tahu] lah ancaman ancaman yang akan terjadi disana..jadi.. sekali.. takda [tiada] apa lah.. jadi kami dah stand down [berdiri tegak] aaa.. stand to aa.. bila diberi arahan dah kami semua diberi arahan tuk [untuk] tutup lampu semua duduk dalam gelap dan bersiap siaga lah dan menghadapi ancaman yang berlaku dan lebih kurang dalam satu jam lah baru..dapat arahan daripada aaa..komander kami aaa..bahawa aaa.. dah boleh dah keadaan dah selamat baru diberikan stand down.

**ANA: Dalam ancaman tu [itu] takda [tiada] apa daripada anggota yang terkorban lah?**

YY: Takda [tiada] lah takda [tiada] yang terkorban cuma ..mungkin.. aaa..mereka dah melalui.. melalui pickup lah pickup sambil lalu dijalan besar tu [itu] dah melepaskan tembakan kearah kawasan kami.

**WAN: Okay aa..boleh Encik Yusri bagitau [bagitahu] siapakah nama komander Encik Yusri yang membawa yang sama bersama-sama aa..ke misi tersebut?**

YY: Misi saye [saya] komander..komander.. komander misi masa tu [itu] di markas taktikal PDRM di Dili Timor Leste ialah SUPT Coursesenu Bin Ibrahim aaa.. daripada Bukit Aman

**WAN: ermm.okay aaa..selama berape [berapa], okay aa..macam Encik Yusri ceritakan tadi adalah detik dimana aaa.. kem Encik Yusri diserang hendap apakah lagi peristiwa peristiwa yang terbesar terjadi di sepanjang Encik Yusri berada di Timor Leste?**

YY: Peristiwa terbesar yang terjadi..aaa.. berlaku pembunuhan, berlaku pembunuhan di kawasan, di kawasan kampung di dekat dengan airport [lapangan terbang] Dili aaa..jadi saya bersama berapa orang forensik aaa.bergegas kesana dan untuk menjalankan post mortem [bedah siasat] lah membawa tengok dia punya aaa..anggota anggota forensik.. membawa anggota forensik pergi buat siasatan lah, kematian tu [itu] dapati [didapati] aaa.. si mati telah di..dibunuh dengan dikelar lehernya itu saya dapat tak [tidak] lupakan sampai

di serang hendap oleh penembak curi yang melalui kawasan kami tu [itu] telah menembak, tembakan aa.. yang menyebabkan kami semua panik lah sementara tu [itu] jadi panik tapi.. dah.. sebelum ini.. dah diajar lah sebelum pergi ni [ini] dah di bagitau [bagi tahu] lah ancaman ancaman yang akan terjadi disana..jadi.. sekali.. takda [tiada] apa lah.. jadi kami dah stand down [berdiri tegak] aaa.. stand to aa.. bila diberi arahan dah kami semua diberi arahan tuk [untuk] tutup lampu semua duduk dalam gelap dan bersiap siaga lah dan menghadapi ancaman yang berlaku dan lebih kurang dalam satu jam lah baru..dapat arahan daripada aaa..komander kami aaa..bahawa aaa.. dah boleh dah keadaan dah selamat baru diberikan stand down.

**ANA: Dalam ancaman tu [itu] takda [tiada] apa daripada anggota yang terkorban lah?**

YY: Takda [tiada] lah takda [tiada] yang terkorban cuma ..mungkin.. aaa..mereka dah melalui.. melalui pickup lah pickup sambil lalu dijalan besar tu [itu] dah melepaskan tembakan kearah kawasan kami.

**WAN: Okay aa..boleh Encik Yusri bagitau [bagitahu] siapakah nama komander Encik Yusri yang membawa yang sama bersama-sama aa..ke misi tersebut?**

YY: Misi saye [saya] komander..komander.. komander misi masa tu [itu] di markas taktikal PDRM di Dili Timor Leste ialah SUPT Coursesenu Bin Ibrahim aaa.. daripada Bukit Aman

**WAN: ermm.okay aaa..selama berape [berapa], okay aa..macam Encik Yusri ceritakan tadi adalah detik dimana aaa.. kem Encik Yusri diserang hendap apakah lagi peristiwa peristiwa yang terbesar terjadi di sepanjang Encik Yusri berada di Timor Leste?**

YY: Peristiwa terbesar yang terjadi..aaa.. berlaku pembunuhan, berlaku pembunuhan di kawasan, di kawasan kampung di dekat dengan airport [lapangan terbang] Dili aaa..jadi saya bersama berapa orang forensik aaa.bergegas kesana dan untuk menjalankan post mortem [bedah siasat] lah membawa tengok dia punya aaa..anggota anggota forensik.. membawa anggota forensik pergi buat siasatan lah, kematian tu [itu] dapati [didapati] aaa.. si mati telah di..dibunuh dengan dikelar lehernya itu saya dapat tak [tidak] lupakan sampai

sekarang lagi dan tengok seorang mayat.mayat..yang dikelar tu [itu] masih terngiang ngiang lagi dalam ingatan saya

**ANA: Mayat tu [itu] merupakan penduduk orang sana ka [ke]?**

YY: aaa..penduduk..budak kampung situ lah.. yang telah dibunuh oleh rakyat di kaum mereka sendiri tapi dapat ditangkap juge [juga] lah aaa..aa.. yang si pelaku tu [itu]

**WAN: Ermm..**

YY: aaa..lagi yang saya tak [tidak] dapat lupa lagi ialah...aaa.. peristiwa kebakaran dalam rumah masa kami buat rondaan di malam hari lebih kurang dalam pukul Sembilan malam, Sembilan malam lah aaa..melalui satu kampung di kawasan aa..dekat bandar Dili aaa..diberitahu oleh orang kampung bahawa ada satu rusuhan berlaku di dalam kampung tersebut, jadi kami bersama anggota yang lain terus bergegas kesana lah dapati rumah mereka telah dibakar aaa..dan..aa..dia punya.. penduduk situ tak [tidak] buat apa, tak [tidak] buat apa apa, sebab takut ..takut akan aaa..jadi kalau mereka tolong jaggi [kejam lagi] rumah mereka pulak [pula] akan dibakar jadi..kami..sebagai anggota misi turun tapi tak [tidak] boleh buat apa sebab rumah mereka ialah rumah yang kayu jadi cepat terbakar ..aa..saja tak boleh amik [ambil] apa apa, jadi kami bawak [bawa] anggota keluarga yang mangsa tu [itu] terus ke pergi ke pusat..dia punya..tempat untuk.. (celahan WAN: perlindungan) perlindungan, untuk di..di airport [lapangan terbang] Dili.

**ANA: Banyak aaa..buah..bapa [berapa] buah rumah yang terbakar?**

YY: Rumah tu [itu] satu, tapi dia..dia berjangkit jangkit rumah tu..

**WAN: okay..aaa..seperti yang sedia maklum aaa yang Encik Yusri bagitahu aaa..dua aaa...dua peristiwa terbesar iaitu peristiwa pembunuhan dan peristiwa kebakaran, okay..disamping itu juga aaa..macam mana Encik Yusri dan anggota Encik Yusri menghadapi hari-hari di Timor Leste tu [itu] selepas daripada berlaku nya peristiwa peristiwa tersebut?**

YY: aaa..sana kami.. hidup dalam keadaan berjaga –jaga lah aaa... bab [sebab] masa tu [itu] ancaman lagi masih lagi banyak lagi lahh..aaa..seperti aaa...sana dia punya ancaman yang kami selalu dapat ialah sering di baling batu aaa.bila kami membuat rondaan

aaa..kadang kadang dia..kami akan ditembak aa..dipanah.. dipanah dengan aaa.. Anak panah beracun iaitu yang kami paling takuti kerana kalau kena oleh benda tu aaa..boleh membawa maut..aaa..yang lain yang aaa..kadang kadang tu dibaling batu depa [mereka] ludah pun ada, ada yang jenis yang penduduk penduduk yang tak [tidak] suka kan kami yang datang untuk memberi bantuan..ada setengah tu [itu] okay, ada setengah tu [itu] aaa..jenis yang jenis yang radikal tu [itu] yang memang jenis, yang tak mau [tidak mahu] terima kami memang memberi ancaman untuk pasukan, bukan kami saja [sahaja] aaa..misi misi bantuan yang lain pun kadang kadang jadi macam tu [itu] juga disana bukan PDRM saja [sahaja] yang ada cuma sana ...masa tu [itu] tentera pun ada juga masa tu [itu] tentera daripada Unit kereta perisai tentera darat aaaa..agensi agensi lain daripada aaa.. Polis Australia pun ada aaa..tentera Australia pun ada, New Zealand aaaa..dibantu oleh Polis Timor Leste sendiri dan juga aaaa..Polis Portugal..

**WAN: ermmm...**

YY: tulah [itu lah] bantuan bantuan yang diberi tapi kadang kadang aaa..penduduk Timor Leste dia agresif susah kalau kalau jadi satu rusuhan susah untuk kami...leraikan menyebabkan dua..dua..puak yang bertelagah ini.

**WAN: Seperti sedia maklum yang Encik Yusri bagitau [bagitahu] adalah dua puak dimana puak?**

YY: Puak Timor Lorosa'e dengan Loromonu

**WAN: And [dan] puak tersebut adakah semasa misi Encik Yusri misi bantuan di sana mampu mengaman kan mereka ataupun lagi rancak mereka membuat pergolakan?**

YY: aaaa..sana..aaa..pengaman pengaman semua dapat menyuraikan apabila selalu jadi rusuhan aaa..kami dapat leraikan rusuhan tersebut tapi.. benda ni [ini] dia sekejap kejam kejam dia jadi lain jap [kejam] dia lain lepas depa [mereka] ini puak puak dia ramai jadi kalau kata buat kawasan ni [ini] depa [mereka] buat kawasan lain pula jadi berjangkit jangkit dia punya..rusuhan tu [itu]



**WAN: ermm... okay seramai berapa anggota kah yang terlibat dalam Misi Bantuan OPS Budi ni [ini] yang datang daripada Malaysia ke Timor Leste?**

YY: ermm..OPS Hati Budi ni [ini] antara kerajaan Timor Leste dengan aaa.. kerajaan aaa..Malaysia kerjasama dengan..aaa..bekerjasama kerajaan Malaysia dengan Timor Leste yang ditaja oleh aaa..pengaman PBB nie aaa..anggota polis PDRM kita seramai...aaa..tiga ratus (300) orang lah dia punya anggota tu [itu] daripada pelbagai cawangan agensi lah...PGA ada.aaa..forensik..aa..D9 semua ada lah.

(bunyi berbual) (bunyi berjalan )(bunyi mesin rumput)

**Haah Okey encik yusri kita sambung kembali selepas encik yusri pergi solat tadi.**

**ANA @ WAN: bolehkah, encik yusri menceritakan kembali pada kami berdua bagaimanakah dari awal hingga akhir perjalanan peristiwa encik yusri ke Timor Leste sebagai anggota pasukan gerakan am dipersilakan ?(bunyi mesin rumput)**

